

## TEORI BID'AH DALAM HUKUM SYARA': ANALISIS TERHADAP PANDANGAN AL-SHATIBI (790 H)

**Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar**

Phd candidates, Department of Fiqh Usul, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya

Tel: +6013-9655007 E-mel: syedjeffri89@gmail.com

**Dr. Saadan bin Man**

Senior Lecturer, Department of Fiqh Usul, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya.

Tel : +6019-3965683 E-Mel : saadan@um.edu.my

### ABSTRAK

*Persoalan bid'ah sering menjadi perbahasan yang hangat di dalam kalangan ilmuan Islam dan ia bertitiktolak dari perbezaan persepsi mereka terhadap terminologi bid'ah itu sendiri. Kewujudan dua aliran tegar yang berbeza di dalam memahami teori bid'ah telah mengundang satu konflik yang serius di dalam masyarakat. Artikel ini akan memfokuskan perbincangan mengenai teori bid'ah menurut perspektif al-Shatibi. Pandangan beliau dikaji memandangkan beliau adalah ulama pertama yang menghuraikan teori bid'ah secara terperinci dan panjang lebar dalam karyanya yang masyhur al-I'tisam. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji akan menggunakan sepenuhnya metode keperpustakaan dengan mengumpul data-data yang diperlukan. Kajian ini dilaksanakan melalui metode penelitian kualitatif. Kajian ini menilai pandangan al-Shatibi dan mendapati beliau merupakan seorang ulama yang berpendirian agak "keras" dalam isu ini dan juga merupakan pendokong pandangan bahawa setiap perkara baru yang menyentuh perkara usul yang qat'i dalam agama adalah sesat. Kajian ini juga mendapati bahawa tulisan beliau tentang bid'ah merupakan sebuah kajian ilmiah yang sangat terperinci dan berasas kepada hujah yang teliti dan kukuh. Pandangan beliau mungkin sesuatu yang tidak popular dalam konteks Malaysia tetapi menjadi suatu perkara yang sangat menarik untuk diperbahaskan.*

**Kata Kunci :** Bid'ah, al-Shatibi, Hukum Syara', Haqiqiyah, Idafiyyah

## Pengenalan

Tidak dapat dinafikan, selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW agama Islam telah pun sempurna dan tidak ada cacat celanya, firman Allah SWT dalam al-Quran :

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Terjemahannya : *“Pada hari ini telah aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah aku redhai Islam itu jadi agama bagimu”*

(Surah al-Maidah 5:3)

Namun begitu perubahan zaman dan juga pertembungan Islam dengan budaya masyarakat setempat telah menghasilkan sesuatu yang baru di mana hukum Islam akan berinteraksi dengan budaya tempatan bagi meraikan kemaslahatan manusia. Oleh yang demikian, akan lahir isu-isu baru sama ada dalam aspek adat, ibadat, mahupun muamalat yang tidak pernah diterangkan oleh Rasulullah SAW dan generasi para sahabat terdahulu secara terperinci.

Justeru itu timbul persoalan mengenai sesetengah amalan yang dilakukan oleh masyarakat pada hari ini yang tidak diamalkan oleh golongan yang terdahulu<sup>1</sup> adakah ianya termasuk sesuatu bid'ah yang dilarang dan perlu ditinggalkan sebagaimana dalam sebuah hadits Rasulullah SAW :

وَأَيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ وَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ<sup>2</sup>

Maksudnya : *“berhati-hati dengan perkara yang baru, sesungguhnya setiap hal yang baru adalah bid'ah, dan setiap bid'ah adalah kesesatan.”*

(Hadis Riwayat Ibn Majah)

Atau terdapat pengkhususan yang tertentu di dalam perbincangan ini. Keilmuan para ulama dan juga cendekiawan Islam amat ditagih dalam perkara ini bagi menyesuaikan kebudayaan masyarakat sesuatu kaum itu supaya selari dengan kehendak syara'.

<sup>1</sup> Golongan terdahulu yang dimaksudkan disini mereka yang hidup pada zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat, tabi'in dan juga tabi' tabi'in.

<sup>2</sup> al-Qazwaini, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid (1417h.), *Sunan Ibn Majah*, Riyad : Maktabah al-Ma'arif, No. Hadis 42.

## Perbincangan Bid'ah di Dalam Hukum Syara'

Perbincangan mengenai bid'ah menjadi polemik yang hangat masa kini. Perbincangan ini berkait rapat dengan amalan kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat setempat. Ianya juga merupakan ibu kepada permasalahan khilafiah, ini kerana hukum yang terhasil daripadanya menentukan sebahagian besar amalan yang dilakukan oleh masyarakat ini sama ada ianya merupakan amalan yang diterima atau di tolak.

Secara umumnya terdapat dua pandangan yang utama membicarakan mengenai isu bid'ah. Kelompok pertama mereka yang menolak secara keseluruhan terhadap segala perkara baru yang berlaku dalam ibadah selepas zaman Rasulullah SAW dan juga zaman sahabat yang empat. Manakala kelompok yang kedua mereka yang membahagikan bid'ah kepada dua kategori iaitu bid'ah yang sesat dan juga bid'ah hasanah serta sebahagian dari mereka mentafsirkan pembahagian bid'ah kepada hukum yang lima<sup>3</sup>.

Perbezaan di antara dua kelompok ini memberi implikasi yang pelbagai di kalangan cendekiawan Islam. Perselisihan ini timbul berikutan pemahaman berbeza dalam memahami nas syarak yang berkaitan dengan bid'ah. Lebih mendukacitakan lagi, apabila perbezaan pandangan tersebut telah melahirkan pengikut yang tegar dalam kalangan masyarakat khususnya di Malaysia sehingga mereka tidak boleh bekerjasama dan bersatu antara satu sama lain.

Imam al-Shatibi merupakan antara ulama terkemuka terawal yang menghuraikan teori bid'ah secara terperinci di dalam kitabnya *al-i'tisam*. Justeru itu, penulisan ini akan cuba merungkaikan persoalan mengenai teori bid'ah dalam hukum syara' menurut perspektif Imam al-Syatibi.

### Biografi Imam al-Syatibi

Nama penuh beliau ialah Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi al-Gharnati al-Maliki dikenali dengan *kunniah* Abu Ishak dan masyhur dengan panggilan al-Shatibi<sup>4</sup> dilahirkan dan meninggal di Granada. Beliau dilahirkan pada awal kurun ke 8 hijrah dan para pengkaji berselisih pendapat di dalam menentukan tahun kelahirannya. Ada pendapat mengatakan

<sup>3</sup> Mohamad Subki Abdul Rahman dan Mohd Rifqi Myiddin (2012), *Ensiklopedia Bidaah*, Shah Alam : PSN Publications, h. 79. Saadan bin Man dan Abd Karim Ali (2005), *Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan aliran Syafi'iyah dan Salafiyah di Malaysia : Analisis retrospektif terhadap pencetus*, *Jurnal Fiqh*, No.2 (2005).

<sup>4</sup>Kahalalah, 'Umar Rida,(1999), *Mu'jam mu'allifin tarajim musannif kutub al-arabiyyah*, Beyrut : Maktbah al-Risalah, j. 1, h. 77.

beliau lahir sebelum tahun 720 h dan juga pendapat yang mengatakan beliau lahir sekitar tahun 730 h<sup>5</sup>. Muhammad Abu Ajfan mengatakan para penulis biografi tokoh ini tidak menjelaskan tahun kelahirannya, tetapi perkiraan yang mungkin dilakukan adalah berdasarkan wafatnya Abi Ja'afar ibn al-Ziyat gurunya yang paling dahulu meninggal dunia yaitu pada tahun 728 h. Dari kenyataan ini, ianya menguatkan pendapat yang mengatakan tahun kelahirannya pada 720 h<sup>6</sup>. Beliau merupakan seorang ulama usul, bahasa dan juga tafsir<sup>7</sup>. Beliau meninggal dunia pada hari Selasa bersamaan 8 Sh'aban tahun 790 H/1388 M<sup>8</sup>.

Beliau dinasabkan kepada bandar Shatibah sebuah daerah di Andalusia (Sepanyol) yang merupakan tempat tinggal ibu bapanya. Beliau juga dinasabkan pada al-Lakhmi menunjukkan bahawa beliau daripada keturunan bangsa arab dari suku Lakhm<sup>9</sup>. Sepanjang hidup beliau, Imam al-Syatibi tidak pernah keluar dari kota Granada sama ada bagi menunaikan haji atau menuntut ilmu<sup>10</sup>.

Sepanjang rehlah pendidikan, beliau hanya mendapat pendidikan dari guru-gurunya yang berada di Andalus sama ada ulama yang tinggal di Granada atau pun ulama yang datang ke Granada pada ketika itu. Imam al-Shatibi mengambil kesempatan belajar dan mendampingi ulama-ulama tersebut. Muhammad Abu al-Ajfan mengatakan tidak kurang dari dua puluh lima nama guru Imam al-Shatibi dalam disiplin ilmu yang berbeza<sup>11</sup>.

Beliau telah mendalami bahasa arab daripada beberapa orang guru, antaranya Abu 'Abd Allah Muhammad Fakhar al-Bayri (754 h) di dalam ilmu qira'at, Abu Ja'afar Ahmad bin Adam al-Syaqware yang mengajar ilmu nahu melalui kitab Sibawaih dan alfiah Ibn Malik di samping juga kitab *Qawanin bin Abi Rabi'*, *talkhis al-bina'*, *fara'id al-talqin* dan juga *mudawwanah al-kubra*, Ahmad bin Lub al-Taglabi (782 h) di dalam ilmu nahu. Beliau telah mendapatkan pendidikan tafsir dari Abu Abd Allah al-Balansi (782 h), ilmu hadis dari Syams al-Din al-Tilmisani (781 h) dan Abu al-Qasim al-Bina, ilmu kalam dan filsafat dari Abu Ali Mansur al-Zawawi (753 h), ilmu sastera dari Abu Bakar al-Qarsyi al-Hasymi<sup>12</sup>.

<sup>5</sup> al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2005), *al-I'tisam*, Bayrut : Maktabah al-'Asriyyah, h.7.

<sup>6</sup> Duski Ibrahim (2008), *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqrā' al-Ma'nawi asy-Syatibi*, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, h. 32.

<sup>7</sup> Umar Rida Kahalah (1999), *op.cit*, j. 1, h 77.

<sup>8</sup> Al-Shatibi (2005), *op.cit*, 7.

<sup>9</sup> Hasbullah bin Mat Daud (2011), *Teori Maqasid al-Shari'ah : Kajian perbandingan antara pemikiran al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam*, (Disertasi Sarjana secara berkursus dan disertasi : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) h. 3.

<sup>10</sup> Al-Shatibi,(2005), *op.cit*, h. 7.

<sup>11</sup> Hasbullah bin Mat Daud (2011) , *Teori Maqasid al-Shari'ah*, 6.

<sup>12</sup> al-Ajfan , Muhammad Abu (1985), *Fatawa al-Imam al-Shatibi*, Nahju Liwaz : Tunisia, 1985, h. 32-39.

Antara karya-karya utama Imam al-Shatibi yang mashyur di kalangan cendekiawan Islam pada hari ini antaranya ialah kitab *muwafaqat, al- i'tisam, kitab al-majalis, syarh al-khulasah, 'unwan al-ittifaq fi 'ilm al-istiqaq, usul al-nahu dan juga al-ifadat wa al-insya 'at*<sup>13</sup>.

### Skop Perbincangan

Memandangkan isu bid'ah merupakan sesuatu yang luas diperbincangkan. Maka di dalam perbahasan ini penulis akan menjelaskan beberapa persoalan sahaja mengenai bid'ah menurut perspektif Imam al-Shatibi. Antara persoalan yang akan dibincangkan ialah :

- i. Konsep bid'ah menurut Imam al-Shatibi
- ii. Pembahagian bid'ah *haqiqiyyah* dan *idhafiyyah*
- iii. Pembahagian bid'ah kepada hukum lima.

### Konsep Bid'ah

Dari segi bahasa menurut al-Shatibi asal perkataan "بدع" membawa maksud mencipta sesuatu tanpa ada contoh sebelumnya<sup>14</sup>. Perkataan ini disebut di dalam Firman Allah SWT :

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Terjemahannya : “Allah Pencipta langit dan bumi”

(Surah al-Baqarah 117)

Berdasarkan ayat ini, ianya menunjukkan bahawa Allah SWT merupakan pencipta kepada langit dan bumi tanpa ada seumpamanya sebelum ini. Hal ini diperkuatkan lagi berdasarkan ayat surah al-Ahqaf ayat 9 :

قُلْ مَا كُنْتُ بَدْعًا مِّنَ الرُّسُلِ

Maksudnya : *Katakanlah: Aku bukanlah Rasul yang pertama di antara rasul-rasul.*

(Surah al-Ahkaf 46 : 9)

Berdasarkan ayat tersebut ianya menguatkan lagi bahawa perkataan "بدع" membawa maksud mencipta sesuatu tanpa ada pemisalan sebelumnya. Dari pengertian bahasa tersebut dapat dirumuskan bahawa semua perkara baru yang tiada pemisalan sebelumnya adalah bid'ah.

Manakala dari sudut terminologi pula, al-Shatibi mendefinisikan bid'ah sebagai<sup>15</sup> :

<sup>13</sup> Al-Shatibi (2005), *op.cit.*, 7.

<sup>14</sup> *Ibid.* 29.

(( طريقة في الدين مختزعة تضاهي الشرعية يقصد بالسوك عليها المبالغة في التعبد الله سبحانه ))

Maksudnya : *Jalan yang direka di dalam agama, yang menyerupai syariat dengan tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.*

Menurut beliau pengertian ini tidak termasuk perkara adat. Ketika mana menghuraikan perkara ini, Imam al-Shatibi telah menjelaskan secara terperinci supaya mereka yang memahaminya tidak bermaksudkan apa yang sebaliknya. Lafaz “طريقة” memberi makna yang sama dengan perkataan thariq, sunan membawa maksud tatacara, ianya dikait dengan “الدين” kerana, perkara bid’ah tersebut hanya berlaku di dalam agama terkeluar darinya urusan keduniaan. Manakala lafaz “تضاهي الشرعية” membawa maksud perkara yang menyerupai syari’at pada hakikat ianya bukan suatu perkara yang disyariatkan sebagai contoh menentukan batasan seperti orang yang bernazar puasa sambil berdiri dan tidak duduk.

Seterusnya yang dimaksud dengan “tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah” menyempurnakan maksud bid’ah yang sebenar. Ini kerana Allah SWT telah berfirman :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya : *Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.*

(Surah al-Dzariyat 51 : 56)

Pelaku bid’ah melihat seakan-akan ini tujuan sebenar apa yang mereka buat sedangkan mereka tidak sedar apa yang telah diaturkan dan dibataskan oleh syariat memadai<sup>16</sup>. Demikian secara ringkasnya perincian yang telah diberikan oleh al-Shatibi dalam menghuraikan teori bid’ah.

Daripada definisi yang diberikan dapatlah dirumuskan terdapat tiga ciri-ciri bid’ah menurut al-Shatibi :

- a. Bid’ah merupakan suatu perkara baru yang diadakan tanpa ada contoh sebelumnya.
- b. Perkara baru tersebut menyerupai perkara syariat yang dilakukan di dalam agama pada zahirnya hakikat ianya bukan dari agama.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 29.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 30-32.

- c. Tujuan melakukan perkara tersebut adalah untuk berlebihan di dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.

### **Pembahagian Bid'ah kepada Hukum Lima**

Sebagaimana sedia maklum dalam perbincangan awal, terdapat dua aliran yang membincangkan mengenai bid'ah. Aliran pertama mereka membahagikan bid'ah kepada dua iaitu bid'ah yang bid'ah *hasanah* dan juga bid'ah *sayyi'ah*. Manakala aliran kedua mereka yang berpendapat kesemua bid'ah yang ada di dalam agama adalah tercela.

Imam al-Shafi'i ketika mana menghuraikan pengertian bid'ah beliau telah menyatakan<sup>17</sup> :

"البدعة بدعتان: بدعة محمودة، وبدعة مذمومة، فما وافق السنة، فهو محمود، وما خالف السنة، فهو مذموم"

Terjemahannya : "*Bid'ah itu dua iaitu bid'ah madhmumah (bid'ah terpuji) dan bid'ah mahmudah (bid'ah tercela); jika seiring dengan sunnah dianggap bid'ah mahmudah manakala jika bercanggah dengan sunnah dianggap bid'ah madhmumah*"

Rentetan daripada pengertian ini, Ibn Abd Salam telah menghuraikan pengertian bid'ah kepada hukum yang lima iaitu wajib, haram, sunnat, makruh dan mubah. Menurut beliau perkara yang termasuk di dalam kaedah syarak yang wajib hukumnya adalah wajib, sekiranya ianya termasuk di dalam kaedah haram hukumnya adalah haram, jika ia termasuk di dalam kaedah sunat maka hukumnya adalah sunnat, sekiranya ia termasuk di dalam kaedah makruh hukumnya adalah makruh dan sekiranya ia termasuk di dalam kaedah yang harus maka hukumnya adalah harus<sup>18</sup>. Pembahagian ini juga telah disokong oleh al-Qarrafi yang merupakan anak murid kepada Ibn Abd Salam<sup>19</sup>. Berikut merupakan sebahagian contoh yang diberikan oleh Ibn Abd Salam ketika menghuraikan mengenai pembahagian bid'ah kepada hukum yang lima<sup>20</sup> :

- a. Bid'ah wajib : Perkara yang dilakukan untuk mewujudkan hal-hal yang diwajibkan oleh syara'. Seperti mempelajari ilmu Nahu, Saraf, Balaghah dan lain-lain. Sebab,

<sup>17</sup> Al-Asfahani, Ahmad bin Abdullah (1996), *Hilyah al-Awliya'*, Kaherah : Dar al-Fikz, j.9, h. 113.

<sup>18</sup> 'Abd Salam, 'Izz al-Din 'Abd Salam (2010), *al-Qawa'id al-Kubra fi Islah al-Anam*, Damsyik : Dar al-Qalam, j.2, h.337.

<sup>19</sup> Al-Shatibi (2005), *op.cit*, h. 124.

<sup>20</sup> 'Abd Salam (2010), *op.cit*, 337.

hanya dengan ilmu inilah seseorang dapat memahami al-Qur'an dan hadist Nabi Muhammad SAW secara sempurna.

- b. Bid'ah haram: Perkara yang bertentangan dengan syarak. Seperti mazhab Jabariyyaah dan Murji'ah.
- c. Bid'ah mandub (sunat): Segala sesuatu yang baik, tapi tak pernah dilakukan pada masa Rasulullah SAW. Misalnya, solat tarawih secara berjamaah, mendirikan madrasah dan pusat pembelajaran.
- d. Bid'ah makruh : seperti menghiasi masjid dengan hiasan yang berlebihan.
- e. Bid'ah harus seperti bersalam setelah solat dan makan makanan yang lazat.

Jika dilihat pembahagian ini juga jelas bertentangan dengan takrifan bid'ah yang telah di bawa oleh al-Shatibi. Menurut al-Shatibi bid'ah semuanya *dalalah* (sesat) bahkan tidak wujud sama sekali *bid'ah hasanah*. Baginya hadith Nabi iaitu "*Setiap bid'ah itu sesat*"<sup>21</sup> jelas menunjukkan *bid'ah* hanya satu iaitu semua *bid'ah* sesat.

Manakala dalam menolak contoh yang diberikan, Imam al-Shatibi menyatakan bid'ah wajib yang disebutkan oleh Ibn Abd Salam dan pendukungnya termasuk di dalam perbahasan masalah mursalah, oleh kerana itu tidak dapat dikatakan bid'ah. Adapun contoh bid'ah mandub pada dasarnya adalah pekerjaan sunat yang apabila dikerjakan mendapat pahala dan tidak pula berdosa meninggalkannya. Demikian juga dengan contoh bid'ah makruh dan haram pada dasarnya adalah perbuatan yang haram dan merupakan maksiat yang telah dijelaskan oleh Nabi SAW. Adapun bid'ah harus dapat di dasarkan kepada perbuatan Nabi SAW.

Al-Shatibi ketika menjelaskan mengenai pembahagian ini beliau mengatakan<sup>22</sup> :

*"Pembahagian seumpama ini merupakan rekaan yang tidak bersandarkan mana-mana dalil Syarak bahkan padanya terdapat kontradiksi kerana hakikat bid'ah itu tidak berdalilkan mana-mana dalil Syarak sama ada dari nass Syarak mahupun kaedah-kaedah Syarak. Ini kerana jika ada dalil dari Syarak yang menunjukkan wajib, sunat dan harus maka tidak dinamakan bid'ah malah melakukannya termasuk dalam kategori amalan yang diperintah atau dibuat pilihan. Menghimpunkan antara sesuatu yang dianggap bid'ah dengan dalil-dalil yang menunjukkan kepada wajib, sunat dan harus merupakan tindakan menghimpunkan dua perkara yang saling bertentangan"*

<sup>21</sup> al-Qazwaini (1417h), *op.cit*, No. Hadis 42.

<sup>22</sup> al-Shatibi (2005), *op.cit*, h. 125.



Seterusnya al-Shatibi menjelaskan ada empat alasan kuat yang mendukung penolakannya terhadap pembahagian tersebut<sup>23</sup> :

1. Kecaman yang terdapat pada hadith “*setiap bid’ah itu sesat*” bersifat umum dan selalu ditemukan dalam bentuk mutlak tanpa ada pengecualian sama sekali.
2. Sesuatu lafaz tetap pada makna keumumannya jika ditemukan pengulangan di beberapa tempat dengan disokong oleh sejumlah *syawahid* (indicator pendukung). Demikan juga jika tidak terdapat *taqyid* iaitu batasan atau pengecualian.
3. Para golongan *al-Salaf al-Salih* daripada sahabat dan al-tabi’in serta ulama yang mengikuti jejak mereka telah sepakat (*ijma’*) untuk mencela dan memerangi bid’ah. Oleh kerana itu setiap bid’ah adalah batil dan wajib ditentang.
4. Secara logik, bid’ah itu sendiri mengandungi makna penghinaan terhadap si pelakunya. Kerana setiap bid’ah itu bertentangan dengan perintah *shari’* (Allah) SWT). Disedari atau tidak, dengan melakukan suatu bid’ah maka si pelaku bererti telah pula meninggalkan atau meremehkan hukumNya. Oleh kerana itu, tidak dapat diterima oleh akal yang sihat adanya klasifikasi bid’ah yang dianggap baik atau bahkan disuruh melaksanakannya (wajib). Hal ini disebabkan kenyataan bahawa bid’ah itu sendiri adalah suatu cara yang sengaja diada-adakan pelakunya untuk memesongkan ajaran agama sengaja untuk merosakkannya.

### **Pembahagian Bid’ah kepada *Haqiqiyyah* dan *Idafiyyah***

Menurut al-Shatibi bid’ah dapat dibezakan mengikut dua bentuk yang utama iaitu bid’ah *haqiqiyyah* dan juga bid’ah *idafiyyah*.

Bid’ah *haqiqiyyah* merupakan suatu yang tidak ada dasarnya samaada dari al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma mahupun dalil lain yang mu’tabar disisi ulama dalam menetapkan sesuatu hukum<sup>24</sup>. Apa yang boleh fahami disini bid’ah *haqiqiyah* merupakan suatu kesesatan yang jelas. Antara amalan yang termasuk di dalamnya seperti menambah rakaat solat dengan sengaja, menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan oleh Allah SWT dan lain-lain lagi.

<sup>23</sup> 151-152.

<sup>24</sup> *Ibid*, 187.

Bid'ah *haqiqiyyah* jelas lebih besar dosa yang ditimpakan Allah ke atas pelakunya. Hal ini disebabkan bid'ah ini nyata kesesatannya dan mengada-adakan dalam agama yang tidak memiliki dalil sama sekali seperti pemesongan akidah yang dilakukan oleh aliran *Qadariyyah*, menolak ijma dan menghalalkan arak<sup>25</sup>.

Manakala bid'ah *idafiyyah* ialah sesuatu perbuatan jika dilihat dari suatu sudut ianya merupakan sesuatu yang disyariatkan dari sudut yang lain ianya merupakan bid'ah<sup>26</sup>. Apa yang boleh dilihat di sini bid'ah *idafiyyah* merupakan gabungan ataupun tokok tambah terhadap perkara syariat yang dilakukan. Kategori inilah yang menjadi khilafiyah di kalangan umat Islam kerana tidak ada dalil yang menjelaskan secara terperinci mengenai ibadah tersebut. Kebanyakan mereka yang mengamalkan bid'ah *idafiyyah* ini mereka yang menggunakan dalil umum bagi menyokong amalan tersebut.

Di dalam penulisannya, Imam al-Shatibi banyak membicarakan mengenai bid'ah *idafiyyah*, menurut beliau bid'ah *haqiqiyyah* merupakan sesuatu yang jelas penyimpangan dan kesesatannya, para ulama sependapat untuk menolaknya sedangkan *idafiyyah* sering kali menjadi perdebatan yang hangat di kalangan ulama. Hal ini tidak lain kerana sulitnya dalam menentukan apakah dalil yang umum itu dapat dijadikan alasan dari perbuatan tersebut atau perkara tersebut jelas bertentangan dengan sunnah Nabi Muhammad SAW<sup>27</sup>.

Dalam memperincikan pengertian bid'ah *idafiyyah*, Imam al-Shatibi membahagikan bid'ah *idafiyyah* kepada dua iaitu bid'ah *idafiyyah* yang hampir kepada *haqiqiyyah* sebagai contoh mengkhususkan sejumlah solat atau puasa pada hari tertentu yang tidak ada dalilnya<sup>28</sup> seperti solat *al-Raghaib*<sup>29</sup> dan juga bid'ah *idafiyyah* yang hampir kepada sunnah Nabi SAW sehingga ianya dianggap sunnah dalam melakukannya sebagai contoh adalah mereka yang lebih suka menyusahkan diri mereka sendiri sedangkan terdapat jalan yang mudah baginya dalam mengerjakan ibadah seperti orang yang menggunakan air panas untuk berwuduk sedangkan terdapat air yang dingin disisinya. Begitu juga seorang yang memakai pakaian buruk sedangkan die berkemampuan untuk memiliki yang lebih baik darinya<sup>30</sup>. Turut dikategorikan sebagai bid'ah *idafiyyah* ialah perkara-perkara yang diperselisihkan oleh

<sup>25</sup> Ardiansyah (2009), *Perspektif Imam al-Shatibi terhadap konsep Sunna-Bid'ah analisis terhadap kitab al-I'tisam dan al-Muwafaqat*, (Tesis phd, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 130.

<sup>26</sup> Atiyyah, Izzat 'Ali (1980), *al-Bid'ah tahdiduha wa mauqif al-Islam minha*, Lubnan : Dar al-Kutub Al-Islam, h. 274.

<sup>27</sup> Ardiansyah (2009), *op.cit*, h.131.

<sup>28</sup> Al-Shatibi (2005), *op.cit*, h.245.

<sup>29</sup> Solat yang dilaksanakan sebanyak dua belas rakaat pada malam Jumaat pertama dalam bulan Rajab dengan salam setiap dua rakaat. Solat ini dilakukan dengan cara-cara khusus yang tertentu.

<sup>30</sup> 'Atiyyah (1980), *op.cit*, h. 275.

sebahagian fuqaha yang mempunyai hujah kuat dalam mempertahankan amalan yang dibawa.<sup>31</sup>

Menurut Imam al-Shatibi bid'ah *idafiyyah* tidak dapat dikategorikan kepada bid'ah *haqiqiyyah* begitu juga tidak dapat disebut dengan sunnah Nabi SAW. Oleh kerana itu, untuk menentukan suatu perbuatan itu bid'ah atau tidak memerlukan sesuatu penyelidikan yang lain. Adapun dalam pelaksanaannya diperlukan ihtiyat. Lebih baik menghindari perbuatan yang ditakutkan masuk dalam bid'ah dari pada melaksanakannya. Ini kerana, permasalahan seperti ini termasuk di dalam kategori *mutasyabihat*, sehingga sulit untuk mengetahui status sesuatu ibadah itu secara tepat. Oleh kerana itu diperlukan penyelidikan yang lebih mendalam<sup>32</sup>.

Contoh bahagian kedua ini yang banyak berlaku di dalam masyarakat hari ini antaranya ialah wirid secara berjemaah, membaca yasin malam jumaat, membaca talqin di atas kubur dan sebagainya. Berdasarkan pandangan ini, penulis berpendapat tidak wajar kita menghukum kesemua amalan yang diamalkan masyarakat pada hari ini merupakan sesuatu kesesatan tanpa ada penelitian atau kajian yang lebih terperinci terhadap sesuatu amalan tersebut.

## Kesimpulan

Imam al-Shatibi merupakan antara ulama yang terawal yang menulis mengenai bid'ah secara terperinci. Menurut beliau bid'ah merupakan jalan yang direka di dalam agama, yang menyerupai syariat dengan tujuan mengamalkannya untuk berlebihan dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT. Imam al-Shatibi juga telah menolak pembahagian yang telah dibuat oleh sebahagian ulama yang membahagikan bid'ah kepada hukum yang lima. Menurut beliau, pembahagian yang telah dibuat itu merupakan sebahagian dari masalih mursalah. Selanjutnya, al-Shatibi telah membahagikan bid'ah kepada dua kategori iaitu bid'ah *haqiqiyyah* dan juga bid'ah *idafiyyah*. Bid'ah *haqiqiyyah* merupakan sesuatu yang jelas kesesatannya dan boleh menyebabkan pelakunya menjadi kufur manakala bid'ah *idafiyyah* merupakan sesuatu perkara baru yang masih lagi samar dan dikategorikan sebagai *mutasyabihat*. Justeru itu diperlukan satu kajian yang mendalam bagi setiap amalan yang dikategorikan sebagai bid'ah *idafiyyah*.

<sup>31</sup> al-Shatibi (2005), *op.cit*, h. 242,243.

<sup>32</sup> Ardiansyah (2009), *op.cit*, h. 131.

## Rujukan

Al-Quran

Al-Hadith

‘Abd Salam, ‘Izz al-Din ‘Abd Salam (2010), *al-Qawa'id al-Kubra fi Islah al-Anam*, Damsyik: Dar al-Qalam, j.2, h.337.

‘Atiyyah, Izzat ‘Ali (1980), *al-Bid'ah tahdiduha wa mauqif al-Islam minha*, Lubnan : Dar al-Kutub Al-Islam.

al-Ajfan , Muhammad Abu (1985), *Fatawa al-Imam al-Shatibi*, Nahju Liwaz: Tunisia, 1985, h. 32-39.

Al-Asfahani, Ahmad bin Abdullah (1996), *Hilyah al-Awliya'*, Kaherah: Dar al-Fikz, j.9, h. 113.

Al-Ghazali, Muhammad (2005), *Laisa min al-Islam*, Kaherah: Dar al-Syuruq.

Al-Hadrami, ‘Ali bin Muhammad Thahir (2010), *Tahqiq al-Bid'ah Dirasah Syamilah Qadiman wa Hadithan*, Yaman: Dar al-Dhiya.

al-Qazwaini, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid (1417h.), *Sunan Ibn Majah*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2005), *al-I'tisam*, Bayrut: Maktabah al-‘Asriyyah, h.7.

Ardiansyah (2009), *Perspektif Imam al-Shatibi terhadap konsep Sunna-Bid'ah analisis terhadap kitab al-I'tisam dan al-Muwafaqat*, (Tesis phd, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 130.

Duski Ibrahim (2008), *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqlal al-Ma'nawi asy-Syatibi*, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media, h. 32.

Hasbullah bin Mat Daud (2011), *Teori Maqasid al-Shari'ah : Kajian perbandingan antara pemikiran al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn ‘Abd al-Salam*, (Disertasi Sarjana secara berkursus dan disertasi : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Kahalal, ‘Umar Rida,(1999), *Mu'jam mu'allifin tarajim musannif kutub al-arabiyyah*, Beyrut: Maktbah al-Risalah.

Mahfuz, Syeikh Ali (t:t), *al-Ibda' fi Madhari al-'Ibtida'*, Kaherah : Maktabah al-Taufiqiyyah.

Mohamad Subki Abdul Rahman dan Mohd Rifqi Myiddin (2012), *Ensiklopedia Bidaah*, Shah Alam : PSN Publications.

Saadan bin Man dan Abd Karim Ali (2005), *Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan aliran Syafi'iyah dan Salafiyah di Malaysia : Analisis retrospektif terhadap pencetus*, *Jurnal Fiqh*, No.2 (2005).